

# Pemandangan Sepintas Lalu Melawat Ke Tanah Suci

(Oleh: Edrus)

(IV)

Dalam rencana ini saya bawa perhatian pembaca-pembaca kepada cara-cara yang patut diambil oleh pemerintah Malaysia terhadap kepada urusan-urusan mengenai dengan kebaikan dan keselamatan orang-orang haji.

Dalam peraturan yang dibuat oleh Republik Indonesia, tiap-tiap seseorang haji yang hendak menunaikan fardu haji hendaklah membuat bayaran-bayaran yang tertentu, selain daripada tambang pergi balik, bayaran-bayaran mengenai syeikh Mekah, tambang kereta dan segala-galanya kepada Republik Indonesia.

Peraturan-peraturan dilakukan supaya apabila nanti orang-orang haji sampai di Jeddah maka syeikh-syeikh itu hendaklah melayannya dengan sebaik-baiknya dan bayaran-bayaran mengenai wang syeikh, wang tambang, hendaklah diminta kepada jabatan kedutaan di sana. Dengan demikian jika ada sesuatu pengaduan ataupun ada perkara-perkara yang boleh merungsingkan ataupun perkara-perkara layanan yang tidak baik dilakukan oleh syeikh-syeikh itu terhadap jemaahnya, jika ada pengaduan, maka tak dapat tidak syeikh-syeikh itu akan ditanya dan akan disoal tanggungjawabnya satu persatu sebelum wang-wang kerananya diserahkan kepada syeikh-syeikh itu.

Dengan demikian tentulah syeikh-syeikh itu mahu tidak mahu akan melayan dan mengawal orang-orangnya dengan bersungguh-sungguh, kalau tidak kepayahan-kepayahan dan kesulitan-kesulitan

didapati.

Kerajaan Malaysia khususnya yang mengelolakan perihal haji sangat mustahak mengadakan peraturan-peraturan yang serupa itu. Demikian juga bagi orang-orang haji yang datang dari Indonesia dikehendaki mesti ada mempunyai wang tidak kurang dari 700 riyal, sebagai wang saku dan selain daripada itu mereka dikehendaki membawa beras 25 kilo, membawa gula, kopi, teh dan lain-lain barang lagi termasuk tilam untuk penggunaan mereka. Yang demikian adalah untuk kesenangan dan kebebasan bagi mereka itu. Dengan demikian maka salahlah pandangan orang-orang yang mengatakan sebab-sebab orang Indonesia kekurangan perbelanjaan lalu menjual kain dan seumpamanya di pasar-pasar Mekah atau di Jeddah kerana kekurangan perbelanjaan. Perbuatan-perbuatan mereka adalah kerana berkehendak membeli belah barang-barang yang difikirkan patut dan mustahak dibawa pulang ke Indonesia. Terkadang-kadang dengan wang yang didapati mereka dari menjual barang-barangnya itu dapat mereka membeli barang-barang emas dan seumpamanya.

Hal yang serupa ini saya terangkan di sini bagi perhatian supaya kawalan dan kesempurnaan orang-orang haji diatur dan disusun dengan sebaik-baiknya. Bukan itu sahaja, pegawai-pegawai penyelenggaraan haji hendaklah diadakan dengan selengkap-lengkapnyanya supaya keadaan-keadaan yang menyolok mata tidak akan terjadi dan berlaku.

Umpamanya pada tahun yang lalu, adalah diberitakan kerajaan Malaysia, bagi kegunaan rombongan haji di musim panas, telah menghantarkan alat-alat sejuk (air conditioner) bagi kegunaan rumah sakit haji orang-orang Malaysia. Alat-alat itu dihantar di dalam kapal Anson yang pertama tetapi malangnya kerana di dalam Jabatan Kedutaan Malaysia di Jeddah, kononnya selalu timbul perselisihan faham di antara ketua pegawai dengan dutanya dan mungkin pula kerana kekurangan anggota-anggota daripada rombongan kesihatan, maka alat-alat yang akan digunakan sebagai alat sejuk pada musim panas itu tidak pun sempat digunakan dan barangkali alat-alat itu dibawa balik semula ke Tanah Melayu ini. Hal-hal yang demikian seyogianya tidaklah berlaku.

Dengan hal yang demikian ini, bagi orang-orang yang tidak mengetahui, mungkin akan menyalahkan kerajaan tidak mengambil begitu berat terhadap hal-hal yang mengenai kesihatan orang-orang haji. Yang sebenarnya kerajaan mengambil berat di dalam soal-soal ini tetapi pegawai-pegawai yang melakukan kerja-kerja, yang berkenaan dengannya, mungkin kerana sesuatu sebab tidak dapat melaksanakan persoalan itu, atau barangkali kekurangan anggota-anggota bagi menyelenggarakannya.

Hal-hal yang demikian ini patutlah diselidiki dan dihalusi supaya pada masa-masa yang akan datang janganlah ada timbul syak wasangka di dalam

usaha-usaha baik kerajaan bagi menyelenggarakan hal ehwal orang-orang haji.

\* \* \*

Segala kritik yang saya kemukakan ini, sama ada mengenai kerajaan Sa'udiyah 'Arabiyyah ataupun kerajaan Malaysia yang berkaitan dengan orang-orang haji di Tanah Melayu, saya buat bukanlah kerana memaparkan perkara-perkara yang buruk tetapi adalah kerana suatu tujuan supaya diadakan perbaikan yang segera dan supaya jangan timbul perkara-perkara yang tidak diinginkan, di dalam persoalan-persoalan yang mengenai umat Islam.

Lebih-lebih lagi saya mendengar ada satu golongan daripada pihak kerajaan Saudi berasa sedikit tidak senang atas kritik-kritik yang saya buat di dalam hal-hal yang mengenai orang-orang haji terutamanya yang menggunakan kapal terbang. Tujuan saya ialah kerana memandang tinggi atas cita-cita Jalālah al-Malik al-Mu'azzam Faisal untuk menyatukan umat Islam, tidak akan dapat disempurnakan dan tidak akan lebih baik kalau sekiranya perkara-perkara yang kecil-kecil tidak diperhatikan guna menimbulkan kepercayaan kepada kerajaan itu sendiri. Orang tentu tidak menyalahkan pegawai tetapi orang-orang kelak akan menyalahkan tumpuan di mana pegawai-pegawai itu bekerja.

Umpamanya ada orang membuat alasan, kerana musim haji orang begitu banyak tiba dan sukarlah untuk menyenangkan atau melapangkan orang-orang yang datang ataupun sukar untuk melayan ketibaan orang-orang yang bertumpu-tumpu datangnya itu. Benar orang-orang begitu ramai datang tetapi sesebuah kerajaan mestilah merancangkan suatu sambutan terlebih dahulu dengan

begitu rapi kepada orang yang bakal datang itu. Rancangan-rancangan mesti dibuat dan disusun lebih dahulu.

Peraturan-peraturan mesti diadakan dengan sempurnanya dan dengan begitu segala teguran-teguran itu akan dapat membina dan akan meninggikan nama negara itu sendiri. Bahkan penulis sendiri berasa bahawa kerana negara itu ialah negara Islam yang dipunyai bersama oleh seluruh dunia Islam maka adalah berhak tiap-tiap umat Islam memberi teguran untuk kebaikan, untuk meninggikan nama negara itu di mata dunia supaya jangan menjadi tumpuan-tumpuan kata yang tidak senang bukan sahaja didengar oleh kerajaan Sa'udiyah 'Arabiyyah tetapi juga oleh dunia Islam seluruhnya. Mudah-mudahan teguran-teguran yang seumpama itu diterima baik dan akan mendapat sambutan yang sebaik-baiknya.

Dengan keadaan itu tidaklah bermakna bahawa beberapa banyak kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah di masa yang akhir-akhir ini akan terhapus dan akan tidak mendapat sambutan. Bahkan in shā'a Allāh nanti di dalam makalah-makalah yang lain saya akan sebutkan satu persatu apa-apa perkara yang telah timbul yang sangat berfaedah kepada kerja-kerja kebajikan untuk orang-orang haji. Begitu juga perkara mengadakan dan memperbaiki tempat-tempat yang menjadi tempat-tempat ziarah orang-orang Islam dikawal dengan baik, disusun dengan rapi supaya tidak menyakitkan segolongan dan sebahagian orang-orang Islam dan in shā'a Allāh saya akan menyatakan bagaimana kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh pemerintah 'Arabiyyah Sa'udiyah yang ada sekarang di dalam menghadapi

keadaan-keadaan di dalam dan di luar di dalam mengatur dan menyusun perkara-perkara yang sebenarnya tidak menjadi pertentangan umum jika sekiranya diatur dengan sebegitu rapi.

Kita juga maklum bagaimana sulitnya Jalālah al-Malik al-Mu'azzam Faisal menghadapi orang-orangnya sendiri yang masih berfahaman begitu kuat kepada fahaman agamanya yang tidak hendak mengubah sesuatu pun sebagaimana keadaannya dahulu walaupun zaman telah berubah.

Yang demikian ini bertambah-tambah lagi kalau kita perhatikan di dalam tempat-tempat ziarah atau tempat-tempat kuburan dan seumpamanya yang menjadi kesan atau punca perbalahan yang hebat pada masa-masa dahulu sehingga apabila pemerintahan kerajaan 'Arabiyyah Sa'udiyah mulai berkuasa segala kubah-kubah dan segala tempat kubur-kubur diratakan dengan tanah. Dengan ini adalah sebenarnya suatu perkara yang tidak dapat dielakkan mengikut zamannya tetapi kesedaran telah timbul daripada kerajaan yang memerintah sekarang di dalam mana nanti akan dapat pembaca-pembaca ikuti dalam makalah-makalah yang lain satu persatu in shā'a Allāh.

(Bersambung).

Ilmu pengetahuan itu sebagai pohon dan beramal dengan ilmu pengetahuan itu sebagai buahnya. — (Imam Ghazālī)

\* \* \*

Jangan engkau suka membuka sesuatu rahsia kepada orang-orang yang suka membukakan rahsia orang lain kepadamu. — (Kata arif)